

18 MAR 1997

Najib-Komputer

BADAN KORPORAT DISARAN DERMA KOMPUTER TERPAKAI KEPADA SEKOLAH

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Pihak swasta hari ini disaran supaya menyumbangkan komputer terpakai mereka kepada sekolah-sekolah bagi membantu pengajaran dan pembelajaran ilmu komputer.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kebanyakan badan korporat sedang menaikkan taraf komputer masing-masing kepada yang lebih canggih dan adalah menjadi sesuatu yang berguna sekiranya komputer terpakai dihadiahkan kepada sekolah.

"Pengajaran pengetahuan komputer di peringkat asas tidak memerlukan komputer terkini seperti yang menggunakan Pentium...komputer biasa pun boleh digunakan," katanya pada majlis penyerahan 40 buah komputer terpakai oleh Maybank kepada Kementerian Pendidikan di sini.

Komputer itu akan disalurkan kepada kira-kira 20 buah sekolah luar bandar di Perak, Pahang, Terengganu dan Negeri Sembilan.

Najib berkata walaupun kerajaan akan mewujudkan sekolah-sekolah bistari yang akan dilengkapi dengan kemudahan komputer, sekolah lain tidak harus ketinggalan dalam pembelajaran komputer.

"Pengetahuan komputer akan merapatkan jurang pencapaian antara murid di bandar dan luar bandar," katanya lagi.

Menjawab soalan pemberita kemudian, Najib menasihatkan badan korporat yang berminat menyumbangkan komputer terpakai supaya menghubungi Kementerian bagi memudahkan proses pembahagian.

Kementerian menyambut baik langkah badan korporat yang ingin mengambil sekolah terutamanya di luar bandar sebagai sekolah angkat yang bakal menerima pelbagai sumbangan termasuk komputer, katanya.

Menurut beliau lagi, kerajaan telah memberikan kelulusan kepada Kementerian Pendidikan untuk menyediakan perisian komputer bagi sekolah bistari pada satu mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi baru-baru ini.

Menyentuh bentuk soalan Pendidikan Moral yang dikatakan sukar difahami pelajar, Najib berkata ianya sentiasa dikaji dan Kementerian memang mencari jalan untuk memudahkan pelajar memahaminya.

Najib menerima sumbangan komputer terpakai itu daripada Pengerusi Maybank Datuk Mohamed Basir Ahmad. -- BERNAMA

MAM PR